

## 12 • Tanggungjawab Sosial UniMAP (USR)



## TANGGUNGJAWAB SOSIAL UniMAP

Tanggungjawab Sosial Universiti Malaysia Perlis (*UniMAP Social Responsibility,USR*) kepada komuniti setempat bertujuan untuk memperluaskan peranan universiti dalam menyumbang ilmu dan kepakaran. Di samping penyebaran maklumat bagi membantu pembangunan industri dan meningkatkan taraf hidup masyarakat khususnya di negeri Perlis.

Sehubungan itu, melalui Tanggungjawab Sosial UniMAP dapat meningkat kesejahteraan komuniti melalui keterlibatan dalam aktiviti USR dan meningkatkan kesedaran dengan penyertaan staf dan pelajar dalam program USR UniMAP.

Sepanjang tahun 2019, sebanyak 72 Program Khidmat Komuniti dan 96 Program Pemindahan Ilmu (Knowledge Transfer Programme - KTP) yang bertemakan pendidikan, sosial, ekonomi, kesihatan, alam sekitar dan bantuan kemanusiaan telah dilaksanakan.

**KNOWLEDGE TRANSFER PROGRAMME (KTP)**

PROGRAM/AKTIVITI	TARIKH & TEMPAT PROGRAM	OBJEKTIF
Siri ceramah The Beauty of Physics & Mathematics 2019	17 Januari 2019 - Sekolah Kebangsaan Tawar, Kedah	Mempromosikan keindahan Fizik dan Matematik kepada pelajar sekolah Kebangsaan Tawar, Kedah.
Siri ceramah The Beauty of Physics & Mathematics 2019	25 Januari 2019 - SK Dato Alaudin Perak	Mempromosikan keindahan Fizik dan Matematik kepada pelajar sekolah Kebangsaan Dato Alaudin Perak.
Siri ceramah The Beauty of Physics & Mathematics 2019	11 Februari 2019 - SMK Datuk Haji Abdul Kadir Penang	Mempromosikan keindahan Fizik dan Matematik kepada pelajar sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Haji Abdul Kadir Penang.
Siri ceramah The Beauty of Physics & Mathematics 2019	19 Februari 2019 - SMK Abi Perlis	Mempromosikan keindahan Fizik dan Matematik kepada pelajar sekolah Menengah Kebangsaan Abi, Perlis.
Siri ceramah The Beauty of Physics & Mathematics 2019	26 Februari 2019 - SMK Mata Ayer Perlis	Mempromosikan keindahan Fizik dan Matematik kepada pelajar sekolah Menengah Kebangsaan Mata Ayer, Perlis.
Siri ceramah The Beauty of Physics & Mathematics 2019	27 Februari 2019 - SMK Derma Perlis	Mempromosikan keindahan Fizik dan Matematik kepada pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Derma Perlis.
Siri ceramah The Beauty of Physics & Mathematics 2019	2 Mac 2019 - SMK Datuk Onn Penang	Mempromosikan keindahan Fizik dan Matematik kepada pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Onn Penang.
Siri ceramah The Beauty of Physics & Mathematics 2019	3 Mac 2019 - MRSM Kuala Berang Terengganu	Mempromosikan keindahan Fizik dan Matematik kepada pelajar MRSM Kuala Berang Terengganu.
Program Latihan Pusat Olahraga Majlis Sukan Sekolah Daerah Baling 2019	5 Mac 2019, Baling	Program Latihan Pusat Olahraga Majlis Sukan Sekolah Daerah Baling 2019 memberi tunjuk ajar kepada 85 orang guru sukan dan pelajar/ atlit olahraga daerah Baling mengenai teknik larian yang betul, meningkatkan pengetahuan guru sukan berkaitan corak latihan dalam olahraga terkini, prestasi atlit serta atlit semakin yakin dengan kemahiran diri.
Kejohanan Merentas Desa Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia	9 Mac 2019	Sebagai Pegawai Teknikal/sukarelawan yang membantu persiapan sepanjang kejohanan berlangsung. Melalui kejohanan ini dapat mendedahkan pelajar kepada jaringan luar dan meningkatkan keyakinan diri pelajar dengan bidang tugas yang diberikan.
Jom Masuk IPT	9 - 10 Mac 2019, Padang Kawad USM Pulau Pinang	Program Jom Masuk IPT, UniMAP oleh PPK Mikroelektronik dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Universiti Sains Malaysia (USM) mempromosi, memberi penerangan dan pengenalan kepada universiti dan program-program berkenaan kepada pelajar lepasan SPM dan STPM.



**KNOWLEDGE TRANSFER PROGRAMME (KTP)**

PROGRAM/AKTIVITI	TARIKH & TEMPAT PROGRAM	OBJEKTIF
Siri ceramah The Beauty of Physics & Mathematics 2019	11 Mac 2019 - Bengkel Guru Fizik Daerah Kerian Perak	Program anjuran IMK dengan kerjasama PPD Kerian Perak mempromosikan keindahan Fizik dan Matematik kepada pelajar sekolah.
Siri ceramah The Beauty of Physics & Mathematics 2019	12 Mac 2019- Coffee Talk di PPS Fizik USM Penang	Program anjuran IMK dengan kerjasama PPS Sains Fizik Universiti Sains Malaysia (USM) mempromosikan keindahan Fizik dan Matematik kepada pelajar sekolah.
Siri ceramah The Beauty of Physics & Mathematics 2019	16 Mac 2019- MRSM Gemencheh N. Sembilan	Program anjuran IMK mempromosikan keindahan Fizik dan Matematik kepada pelajar MRSM Gemencheh N. Sembilan
Program Kolaboratif Kokurikulum Sekolah-Sekolah Daerah Kuala Terengganu	16 - 17 Mac 2019, Sekolah Daerah Kuala Terengganu	Jaringan kerjasama dengan penyertaan oleh 200 orang pelajar dan guru-guru sekolah sekitar Daerah Kuala Terengganu dalam Program Kolaboratif Kokurikulum Sekolah-Sekolah Daerah Kuala Terengganu . Encik Nazmizan bin Muhammad, bekas Raja Pecut Asia Tenggara dan juga adalah Timbalan Pengarah, Pusat Sukan UniMAP telah mengajar latihan asas dalam acara pecut 100m Mendedahkan kepada dunia latihan sukan olahraga yang sebenar dan berkongsi pengalaman dalam mengimbangi pelajaran dan sukan.
Program Lanterna Ilmu Anjuran Sekolah Menengah Syed Sirajuddin	18 - 19 Mac 2019, Sekolah Menengah Syed Sirajuddin	Program ini bertujuan untuk member bimbingan kepada pelajar Tingkatan 6 bagi menghadapi peperiksaan Semester 2 Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) pada bulan Mei. Pelajar didedahkan kepada pelbagai kaedah pembelajaran untuk mata pelajaran Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT). Beberapa teknik menjawab soalan juga dibincangkan dengan pelajar supaya mereka dapat menjawab soalan dengan mudah.
Karnival 'Science, Technology, Engineering and Mathematis (STEM)' dan 'Green Technology'	21 Mac 2019, SMK Sultanah Asma, Alor Setar, Kedah	Karnival 'Science, Technology, Engineering and Mathematis (STEM)' dan 'Green Technology' oleh PPK Alam Sekitar adalah bertujuan untuk menarik minat pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Sultanah Asma, Alor Setar, Kedah terhadap mata pelajaran STEM dan kerjaya melibatkan STEM.
Jalinan Kerjama Sekolah Angkat: Sekolah Rendah Kebangsaan IPGM,PERLIS	1 April 2019, Studio Muzik UKR	Unit Kebudayaan dan Rekreasi (UKR), UniMAP membantu pelajar Sekolah Kebangsaan IPGM, Perlis dalam persediaan mewakili Perlis ke Pertandingan Nasiyid dan Kompong peringkat Kebangsaan.
Program Inovasi	4 April 2019, Sekolah Kebangsaan Jelempok, Arau	Staf PPK Alam Sekitar memberi bimbingan dan penjanaan idea kepada pelajar-pelajar Sekolah Kebangsaan Jelempok, Arau yang berpotensi bagi membolehkan mereka mewakili sekolah ke pertandingan inovasi pada bulan November 2019.
Misi Sukarelawan Antarabangsa Thailand; Little Caliph	5-7 April 2019, Pat Bara Satun Thailand	Misi Sukarelawan Antarabangsa Thailand; Little Caliph telah diadakan untuk memberi pendidikan asas Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris kepada pelajar sekolah di Pat Bara, Satun yang berumur 6 tahun hingga 12 tahun.
Kejohanan Olahraga Terbuka Perlis	6 April 2019, Perlis	Penyertaan 530 orang wakil dari setiap negeri/kelab yang menyertai Kejohanan Olahraga Terbuka Perlis. Pusat Sukan UniMAP dengan jaringan kerjasama Persatuan Olahraga Negeri Perlis dan Majlis Sukan Negeri Perlis membantu menyelaras penganjuran dan memberi pendedahan kepada pelajar dalam aspek teknikal olahraga.

**KNOWLEDGE TRANSFER PROGRAMME (KTP)**

PROGRAM/AKTIVITI	TARIKH & TEMPAT PROGRAM	OBJEKTIF
Memorization Competition	10 & 23 April 2019	Staf PPK Mikroelektronik mengendalikan dan menjadi juri untuk program menghafal no Pi untuk menanam minat dalam bidang sains dan teknologi di kalangan pelajar dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Perlis (JPN) dan Institut Matematik Kejuruteraan (IMK).
Siri ceramah The Beauty of Physics & Mathematics 2019	12 April 2019 - UiTM Kampus Tapah Perak	Program anjuran IMK dengan kerjasama Jabatan Sains, UiTM Kampus Tapah mempromosikan keindahan Fizik dan Matematik kepada pelajar UiTM Kampus Tapah, Perak.
Program Pemantapan Bahasa Arab	13 April 2019, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama, Arau Perlis	Pusat Bahasa Antarabangsa telah mengadakan Program Pemantapan Bahasa Arab yang disertai oleh 70 orang pelajar sekolah menengah yang menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa ketiga terutama di SMK Agama masih memerlukan kelas tambahan untuk memantapkan pemahaman untuk bahasa ini. Program ini mendedahkan teknik menjawab dan meningkatkan keyakinan untuk menggunakan bahasa Arab dalam komunikasi.
Kem Matematik Tambahan (Starlight 1.0)	13 & 14 April 2019, Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan	Staf Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan berkongsi pengalaman serta teknik pembelajaran matematik tambahan kepada 135 pelajar Rendah Sains Mara (MRSM), 7 orang guru dan 20 Ahli Kelab Gyros.
Siri ceramah The Beauty of Physics & Mathematics 2019	17 April 2019 - SMK Kuala Perlis, Perlis	Mempromosikan keindahan Fizik dan Matematik kepada pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Perlis, Perlis.
Program Pemulihan Kemahiran Asas Matematik (PPKAM)	17 April 2019 - 22 Julai 2019, Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Pantai, Kuala Kedah	Institut Matematik Kejuruteraan (IMK) dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Kedah telah mengadakan Program Pemulihan Kemahiran Asas Matematik (PPKAM) kepada 100 pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Pantai, Kuala Kedah bagi meningkatkan kemahiran asas dan motivasi pembelajaran matematik.
Program "Amazing Science 3.0 dan Pelancaran Program STEM Sekolah Kebangsaan Jejawi, Perlis	20 April 2019 Sekolah Kebangsaan Jejawi, Perlis	PPK Bioproses dengan kerjasama Persatuan Ibubapa dan Guru Sekolah Kebangsaan Jejawi, Perlis mengadakan program dengan pendedahan aktiviti STEM di luar bilik darjah kepada 200 pelajar Sekolah Kebangsaan Jejawi, Perlis.
NURI at The Library : Cerita 1001 Malam	21 April 2019 & Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra, Kampus Pauh Putra	1. Memberi pendedahan awal kepada kanak-kanak berkaitan aktiviti yang melibatkan sains, teknologi dan matematik disamping penerapan kemahiran berfikir dan berkomunikasi. 2. Meningkatkan pengetahuan warga komuniti dalam aktiviti Universiti 3. Melaksanakan peranan universiti untuk masyarakat
Scavenger Hunt : Innovation Trail	21 April 2019 & Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra, Kampus Pauh Putra	1. Memberi peluang kepada kanak-kanak sekolah untuk mempelajari tentang inovasi kejuruteraan dan ciptaan dalam bidang sains, teknologi dan kejuruteraan. 2. Menyediakan peluang meneroka sumber maklumat di perpustakaan. 3. Meningkatkan kemahiran menggunakan alatan atau sumber pencarian maklumat.
Think Big With Code using Microbit: Awareness Workshop	23 April 2019 & Sekolah Kebangsaan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) Perlis	Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer dan Perhubungan mendedahkan teknik pengaturcaraan dengan menggunakan Microbit kepada pelajar-pelajar Sekolah Kebangsaan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) Perlis serta mempelajari asas pengaturcaraan melalui konsep 'Drag and Drop' dan pengaturcaraan logik.



**KNOWLEDGE TRANSFER PROGRAMME (KTP)**

PROGRAM/AKTIVITI	TARIKH & TEMPAT PROGRAM	OBJEKTIF
Siri ceramah The Beauty of Physics & Mathematics 2019	24 April 2019 - SMK Muadzam Shah Kedah	Mempromosikan keindahan Fizik dan Matematik kepada pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Muadzam Shah, Kedah.
Lawatan dari guru-guru kaunseling Sekolah-sekolah Berasrama Penuh	24 April 2019, Makmal PPK Mikroelektronik	PPK Mikroelektronik menerima lawatan dan mempromosikan bidang elektrik dan elektronik kepada guru-guru kaunseling dari sekolah menengah Berasrama Penuh ke UniMAP.
Eksplorasi Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) Peringkat Kebangsaan, SK Hutan Kampung	28 April 2019, SK Hutan Kampung, Kedah	Eksplorasi sains berkaitan 'Air' anjuran PPK Alam Sekitar kepada pelajar Sekolah Kebangsaan Hutan Kampung, Kedah.
Eksplorasi STEM	28 April 2019, SK Hutan Kampung, Kedah	Program libat sama ini adalah di antara UniMAP dengan Jabatan Pendidikan Negeri Kedah ke Sekolah Kebangsaan Hutan Kampung, Kedah. Pendedahan dan penerangan untuk menanam minat awal dalam bidang sains dan teknologi kepada pelajar-pelajar sekolah tersebut.
Program Eksplorasi Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM)	28 April 2019, Sekolah Kebangsaan Hutan Kampong, Kedah	INEE dengan kerjasama Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik UniMAP memberi pendedahan awal terhadap keperluan pengetahuan ilmu sains dan menanamkan minat yang lebih mendalam di dalam bidang Sains dan Teknologi di kalangan pelajar Sekolah Kebangsaan Hutan Kampong, Kedah.
Eksplorasi Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) Peringkat Kebangsaan di Sekolah Kebangsaan Hutan Kampung	28 April 2019, Sekolah Kebangsaan Hutan Kampung, Kedah	Mendedahkan pelajar Sekolah Kebangsaan Hutan Kampung, Kedah kepada aktiviti STEM di luar bilik darjah yang menyeronokkan. Program ini anjuran PPK Bioproses dengan kerjasama PPK Mikroelektronik dan Jabatan Pendidikan Negeri Kedah.
Santai Diskusi: Revolusi Industri 4.0	29 April 2019, Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan	Perbincangan dan temubual antara pelajar Sekolah Menengah Sains Kubang Pasu bersama pensyarah PPK Pembuatan terdiri dari Prof. Madya Dr Khairul Azwan, Dr Azuwir, dan Dr Zahiruddin berkaitan isu sustainability dalam teknologi pembuatan dan perkembangan Industri 4.0 serta impak berkaitan kesan revolusi ini terhadap alam sekitar.
Program Inovasi Murid Sekolah Rendah	30 April 2019, Sekolah Panggau, Kuala Perlis	1) Sekolah baru sahaja memulakan inisiatif inovasi terhadap murid-murid dan ingin menyertai pertandingan inovasi dalam dan luar negara 2) Memberi pendedahan tentang kepentingan dalam PdP.
Educational Gamification Tools Program	15 - 16 Mei 2019, Kedah Digital Transformation Centre (KDTC)	Tiga orang pensyarah dari Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan dan Teknousahawan (PPIPT) terlibat dalam program ini sebagai tenaga pengajar. Mereka ialah Dr Siti Norwahida Shukeri, En. Ahmad Zulhusny Rozali dan En. Mohd Sufino Zuhaily Mohd Sufian. Peruntukan perbelanjaan bagi program ini oleh PPIPT ialah RM1,000.00 merangkumi perbelanjaan perjalanan, elauan makan dan elauan penginapan pensyarah. Program ini dianjurkan oleh Kedah Digital Transformation Centre (KDTC) di mana pensyarah PPIPT yang terlibat telah mengadakan bengkel untuk 'Fun and Effective Learning' menggunakan "Software Game" kepada pelajar-pelajar sekolah menengah di Negeri Kedah yang terpilih sebagai peserta program. Jumlah pelajar sekolah menengah yang terlibat ialah 80 orang.
USR Pemasangan Sistem Solar	20 Mei 2019, Masjid Faizuddin Jamalullail, Kampung Egang Melanu, Semporna Sabah	Masyarakat Semporna Sabah mendapat pengetahuan mengenai sistem solar PV dan manfaat penjimatan elektrik di Masjid Faizuddin Jamalullail.

**KNOWLEDGE TRANSFER PROGRAMME (KTP)**

PROGRAM/AKTIVITI	TARIKH & TEMPAT PROGRAM	OBJEKTIF
Kursus Makmal Selamat	22 Jun 2019, SMK Tengku Budriah, Arau, Perlis	PPK Alam Sekitar telah mengadakan' Kursus Makmal Selamat' kepada guru, staf pentadbiran dan staf makmal Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Budriah, Arau tentang melengkapkan makmal dari aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan mengikut perundangan Malaysia serta mendidik warga SMK Tengku Budriah tentang pengurusan dan risiko di makmal dan asas toxicology.
Siri ceramah The Beauty of Physics & Mathematics 2019	25 Jun 2019 - SMK Jati Ipoh Perak (STEM Diversity Expo -STEMDEX)	Program anjuran IMK dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Perak mempromosikan keindahan Fizik dan Matematik kepada pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Jati Ipoh Perak.
National STEM Colloquium 2019	25 Jun 2019, Universiti Malaysia Pahang (UMP)	Pelatih terdiri daripada staf dan pelajar dari PPK Mikroelektronik ke bengkel IEEE Malaysia Section (Educational Activities).
Siri ceramah The Beauty of Physics & Mathematics 2019	27 Jun 2019 - PPK Sistem Elektrik - SMK Kubang Pasu (Kem Kecemerlangan Akademik)	Program anjuran IMK dengan kerjasama PPK Sistem Elektrik UniMAP mempromosikan keindahan Fizik dan Matematik kepada pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Kubang Pasu (Kem Kecemerlangan Akademik).
Siri ceramah The Beauty of Physics & Mathematics 2019	29 Jun 2019 - Program Didik Cemerlang UniMAP 2019 - 2020, Kampus Pauh UniMAP	Program anjuran IMK dengan kerjasama Institut kajian Institusi Raja, Kepimpinan dan Komuniti (IKRK) UniMAP dan Jabatan Pendidikan Negeri Perlis mempromosikan keindahan Fizik dan Matematik kepada pelajar.
Aktiviti e-Pembelajaran (Bengkel A+ Sejarah dan Bahasa Melayu)	4 Julai 2019, Dewan Kuliah 3 dan 4 UniMAP Pauh Putra	Pusat Pembangunan Kepimpinan Pendidikan Lestari (LEAD) memberi pendedahan kepada 131 Pelajar Tingkatan 5 dari Sekolah Menengah Kebangsaan Derma tentang kaedah pembelajaran kendiri melalui aktiviti e-Pembelajaran.
Sesi Kerjasama Inovasi SK Bintong - PPK Alam Sekitar	12 Julai 2019, SK Bintong	Program PPK Alam Sekitar memberi pendedahan kepada guru-guru dan pelajar-pelajar Sekolah Kebangsaan Bintong tentang kepentingan inovasi. Ini dapat memupuk minat pelajar terhadap teknologi dan inovasi. Membimbing guru-guru dan pelajar-pelajar untuk mengetengahkan produk inovasi sekolah ke peringkat yang lebih tinggi.
Little Caliph 2.0	18 Julai ° 16 Ogos 2019, Ob-Om School, Pat Bara, Satun Thailand	Sukarelawan UniMAP dengan kerjasama Thaksin University, Ob-Om School Pat Bara serta Unit Kebudayaan dan Kesenian (UKR), UniMAP bersama dalam menjayakan program ini yang merupakan kelangsungan program pertama supaya murid sekolah terus dipantau serta didekah dengan asas Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
Siri ceramah The Beauty of Physics & Mathematics 2019	21 Julai 2019 - Maktab Mahmud Bandar Baharu Kedah	Program anjuran IMK dengan kerjasama PPD Kerian Perak mempromosikan keindahan Fizik dan Matematik kepada pelajar Maktab Mahmud Bandar Baharu Kedah.
Siri ceramah The Beauty of Physics & Mathematics 2019	23 Julai 2019 - SMK Seri Pantai Kedah	Program anjuran IMK dengan kerjasama PPD Kerian Perak mempromosikan keindahan Fizik dan Matematik kepada pelajar SMK Seri Pantai Kedah.
Seminar Sains Skor A Peringkat Negeri Perlis	27 Julai 2019 Sekolah Kebangsaan Jejawi, Perlis	Seminar Sains Skor A Peringkat Negeri Perlis anjuran PPK Bioproses dengan kerjasama Persatuan Ibuapa dan Guru Sekolah Kebangsaan Jejawi, Perlis bertujuan mendedahkan murid kepada teknik menjawab soalan Sains UPSR yang betul dan memberi motivasi kepada pelajar dalam menghadapi peperiksaan UPSR.



**KNOWLEDGE TRANSFER PROGRAMME (KTP)**

PROGRAM/AKTIVITI	TARIKH & TEMPAT PROGRAM	OBJEKTIF
Program Didik Budaya	31 Julai 2019, UniMAP	Program ini anjuran PPK Alam Sekitar dengan kerjasama Unit Kebudayaan dan Rekreasi (UKR) memberi pendedahan tentang budaya masyarakat dalam bidang kebudayaan kepada pelajar dari Sekolah Angkat PPKAS (SJK (C.) Sin Min.
Program Kelas Tambahan Matematik UPSR	Sepanjang Ogos - September 2019, Sekolah Kebangsaan Tinggi Tinggi Perlis	Staf Pusat Pengajian Diploma (PPD) telah mengadakan Program Kelas Tambahan Matematik UPSR untuk membantu pelajar sekolah untuk cekap matematik
2nd National STEM Seminar 2019	14 - 15 Ogos 2019, Centre for Foundation Studies In Science (PASUM), Universiti Malaya	Mempromosi inisiatif STEM dari PPK Mikroelektronik, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) and IEEE Malaysia Section (Educational Activities).
Program USR UniMAP-MEDIA 2019. Pemasangan Panel Teknologi Solar dan Gotong Royong Pemasangan Lampu	17 Ogos 2019 Dewan Orang Ramai Kampung Kurung Tengar, Kuala Perlis , Perlis.	Masyarakat Kuala Perlis mendapat pengetahuan mengenai pemasangan sistem solar PV dan manfaat penjimatan elektrik yang disampaikan oleh staf PPK Sistem Elekrik.
Kem Pimpin Muda Prihatin Air (KPMPA) Kebangsaan Zon Timur	20-22 Ogos 2019, Universiti Malaysia Terengganu	Kem Pimpin Muda Prihatin Air (KPMPA) Kebangsaan Zon Timur anjuran bersama PPK Alam Sekitar dengan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) bertujuan untuk memberi pendedahan kepada generasi muda tentang kepentingan sumber air di Malaysia. Melalui kem ini juga dapat memberi pendedahan secara terus eksperimen sains berkaitan dengan air.
Program Eksplorasi dan Motivasi ke PPK Mikroelektronik pelajar dan guru Sekolah Kebangsaan Pinang Tunggal	5 September 2019, Makmal PPK Mikroelektronik	Menerima lawatan dan mempromosikan bidang elektrik dan elektronik kepada pelajar-pelajar Sekolah Kebangsaan Pinang Tunggal
Program Pemulihan Kemahiran Asas Matematik (PPKAM)	10 ~ 19 September 2019, Sekolah Kebangsaan Felda Bukit Tingga, Bukit Kayu Hitam	Institut Matematik Kejuruteraan (IMK) dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Kedah telah mengadakan Program Pemulihan Kemahiran Asas Matematik (PPKAM) kepada 25 pelajar Sekolah Kebangsaan Felda Bukit Tingga, Bukit Kayu Hitam bagi meningkatkan kemahiran asas dan motivasi pembelajaran matematik.
Clinical Samples Arrival Alert System	11 September 2019, Hospital Sultanah Bahiyah (HSB), Alor Setar.	1. Menyediakan satu sistem penggera untuk ketibaan sampel klinikal di kaunter Jabatan Patologi, Hospital Sultanah Bahiyah. 2. Membantu kakitangan Makmal Patologi untuk peka setiap kali ada spesimen pesakit tiba di kaunter.
Karnival Syoknya Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Matematik (STEM) dan Inovasi Peringkat Kebangsaan 2019	18 September 2019, Sekolah Kebangsaan Jejawi, Perlis	Karnival ini mendapat kerjasama dan tajaan daripada Celcom, MAIPs, JKKN, KPJ Perlis, Tourism Malaysia, SWCorp, Bank Islam, The TOP Penang. Objektif karnival ini adalah mendedahkan pelajar Sekolah Kebangsaan Jejawi, Perlis kepada aktiviti STEM diluar bilik darjah.
IEEE Malaysia Section Educational Activities Teacher-In-Service Program	12 Oktober 2019 , MaGIC Cyberjaya	Menyertai dan menyumbang untuk bengkel Electrical and Electronics Design untuk guru-guru sekolah menengah seluruh Malaysia
Siri ceramah The Beauty of Physics & Mathematics 2019	22 Oktober 2019 - SK Lubuk Sireh Perlis	Program anjuran IMK dengan kerjasama PPD Kerian Perak mempromosikan keindahan Fizik dan Matematik kepada pelajar Sekolah Kebangsaan Lubuk Sireh Perlis.
Taklimat & Bengkel Pengurusan Sisa Makanan	23 Oktober 2019, Jabatan Dietetik & Sajian Hospital Tuanku Fauziah	PPK Alam Sekitar bersama Jabatan Dietetik & Sajian Hospital Tuanku Fauziah menerangkan kaedah untuk pengurusan sisa makanan menggunakan teknik Takakura dan teknik kompos mudah.

**KNOWLEDGE TRANSFER PROGRAMME (KTP)**

PROGRAM/AKTIVITI	TARIKH & TEMPAT PROGRAM	OBJEKTIF
Program 'Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM)'	24 Oktober 2019, Sekolah Rendah Islam 1 (SRI 1)	Program PPK Alam Sekitar ini bertujuan memupuk minat para pelajar bermula dari peringkat sekolah rendah tentang kepelbagaiannya ilmu sains dan keseronokan mempelajarinya.
Misi Sukarelawan UniMAP; Sabah 1.0	25 Oktober - 3 November 2019, Kampung Tass Andrassy Tawau Sabah	Misi Sukarelawan UniMAP ini memberi pendidikan serta pendedahan bekerjasama bersama masyarakat di Kampung Tass Andrassy serta memberi sumbangan lampu solar kepada kampung tersebut yang memberi manfaat kepada seluruh warga kampung.
Siri ceramah The Beauty of Physics & Mathematics 2019	30 Oktober 2019 - MRSM Kepala Batas Penang	Program anjuran Institut Matematik Kejuruteraan (IMK) dengan kerjasama PPD Kerian Perak mempromosikan keindahan Fizik dan Matematik kepada pelajar MRSM Kepala Batas Penang.
Bengkel kompos Azolla Microphylla	31 Oktober 2019, PPK Alam Sekitar	Mendidik staf UniMAP dan komuniti tentang pengurusan sisa makanan untuk dijadikan bahan. Bahan digunakan sebagai sumber nutrien kepada Azolla untuk sumber makanan kepada haiwan ternakan.
Pembangunan Pusat Sensori di Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra	November 2019	1. Meningkatkan keberkesanannya terapi rangsangan deria yang berfungsi untuk menenangkan, merehatkan, meningkatkan minat dan penguasaan kemahiran kepada semua kanak - kanak autisme dan golongan yang mempunyai keperluan khas. 2. Menawarkan terapi snoezelen melalui kaedah penerokaan dan berehat yang dikenalpasti bersesuaian dengan keperluan anak - anak autisme dan golongan yang mempunyai keperluan khas. 3. Meluaskan perkhidmatan <i>Autism Hub for Educational Resources and Training (A-HEART)</i> kepada komuniti yang memerlukan melalui penawaran Pusat Sensori di Kampus 4. Memperkasa peranan A-HEART sebagai pusat latihan dan pembangunan anak-anak autisme di Perlis
Karnival Kerjaya Kejuruteraan dan Bengkel Pemasangan Renewable Energy Kit	6 November 2019 SMK Tanjung Pauh, Jitra	1. Memperkasa pengetahuan, kemahiran dan kompetensi guru dalam pengajaran dan pembelajaran STEM selaras dengan keperluan dan pengisian pendidikan abad ke-21. 2. Memupuk minat pelajar untuk menerokai bidang sains dan teknikal
Tanggungjawab Sosial Universiti (USR) iKOM - Sekolah Kebangsaan Putra Padang Katong, Kangar Perlis	9 November 2019, Sekolah Kebangsaan Putra, Kangar Perlis	Program Tanggungjawab Sosial Universiti (USR) anjuran iKOM melalui pengajaran dan pembelajaran bagi kursus animasi kepada 30 orang pelajar Tahun 5 dari Sekolah Kebangsaan Putra, Kangar. Di samping itu, iKOM turut menyumbang lukisan <i>Digital Mapping</i> di dinding makmal komputer sekolah berkenaan.
Bengkel Baja Kompos	15 November 2019, SMK Perlis	PPK Alam Sekitar telah mengadakan program untuk mendidik teknik tatakura kepada pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Perlis.
Kembara Ilmu SMA Sungai Petani	19 November 2019, Makmal PPK Mikroelektronik	Menerima lawatan dan mempromosikan bidang elektrik dan elektronik kepada pelajar-pelajar Sekolah Menengah Agama Sungai Petani
Lawatan Sambil Belajar SMK Dato' Sheikh Ahmad @ uE	20 November 2019, Makmal PPK Mikroelektronik	Lawatan sambil belajar yang disertai oleh 120 guru dan murid daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Sheikh Ahmad. Staf PPK Mikroelektronik mempromosikan bidang elektrik dan elektronik kepada pelajar-pelajar sekolah menengah



KNOWLEDGE TRANSFER PROGRAMME (KTP)

PROGRAM/AKTIVITI	TARIKH & TEMPAT PROGRAM	OBJEKTIF
Program Corporate Social Responsibility (CSR) dan STEM Institut Kejuruteraan Nano Elektronik (INEE)	20 November 2019, SMK Dato' Ali Ahmad	Program tanggungjawab sosial INEE bersama Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Ali Ahmad dengan memberikan pendedahan teknologi tercanggih terutamanya Nano Teknologi, pendedahan awal terhadap keperluan pengetahuan ilmu sains (STEM) kepada pelajar sekolah. Di samping pengajaran penggunaan aplikasi keperluan makmal dan penyelidikan serts lanjutan pengetahuan sains dari sekolah ke peringkat tertinggi. Melalui program ini dapat menanamkan minat yang lebih mendalam di dalam bidang Sains dan Teknologi.
Program Corporate Social Responsibility (CSR) dan STEM Institut Kejuruteraan Nano Elektronik (INEE)	21 November 2019, SMK Syed Alwi	Program tanggungjawab sosial INEE bersama Sekolah Menengah Kebangsaan Syed Alwi dengan memberikan pendedahan teknologi tercanggih terutamanya Nano Teknologi, pendedahan awal terhadap keperluan pengetahuan ilmu sains (STEM) kepada pelajar sekolah. Di samping pengajaran penggunaan aplikasi keperluan makmal dan penyelidikan serts lanjutan pengetahuan sains dari sekolah ke peringkat tertinggi. Melalui program ini dapat menanamkan minat yang lebih mendalam di dalam bidang Sains dan Teknologi.
Siri ceramah The Beauty of Physics & Mathematics 2019	23 November 2019 - SBP Integrasi Rawang Selangor	Program anjuran IMK dengan kerjasama PPD Kerian Perak mempromosikan keindahan Fizik dan Matematik kepada pelajar Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Rawang Selangor.
Program Menelusuri Sains Dalam Islam	26 November 2019, Bandaraya Alor Star, Kedah	Program ini merupakan salah satu program STEM yang memperkenalkan sains dalam binaan arkitek Islam, Kejuruteraan dan Matematik, dan Sains melalui lawatan sambil belajar di sekitar Alor Star Kedah yang turut disertai oleh pelajar dari Sekolah Angkat PPK Alam Sekitar iaitu Sekolah Jenis Kebangsaan (C.) Sin Min.
We Love, We Care; Volunteer to Institution bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perlis	30 November 2019, Rumah Seri Kenangan	Sukarelawan UniMAP dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perlis telah mengadakan program yang bertujuan memberi pendedahan kepada sukarelawan kaedah menjaga orang tua yang ditinggalkan keluarga di Rumah Seri Kenangan serta berpeluang untuk berinteraksi melalui permainan.



### Kelas Mengaji Al-Quran untuk Anak-anak Istimewa (KEMANIS)

Kelas Mengaji Al-Quran untuk Anak-anak Istimewa (KEMANIS) telah diadakan bermula Januari - Disember 2019 bertempat di Hub A-HEART anjuran Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra dengan kerjasama Tenaga Pengajar KAFA, Jabatan Agama Islam Perlis Kampus Pauh Putra. Sasaran kelas mengaji ini adalah kepada anak-anak istimewa (Autisme) kakitangan UniMAP dan masyarakat Wilayah Utara. Melalui Kelas ini juga dapat meningkatkan perkembangan sosial anak-anak autisme melalui komunikasi dan interaksi diantara mereka.

Objektif Kelas Mengaji Al-Quran untuk Anak-anak Istimewa (KEMANIS) adalah:

1. Membantu anak-anak istimewa (Autisme) untuk mempelajari ilmu berkaitan Al-Quran.
2. Meningkatkan perkembangan sosial anak-anak Autisme melalui komunikasi dan interaksi di antara Mereka.
3. Memberi pendedahan praktikal mengenai amali solat dan berwuduk Anak-anak istimewa (Autisme) kakitangan UniMAP dan masyarakat Wilayah Utara.



### USR Lego Mindstorms

Program USR Lego Mindstorms anjuran PPK Komputer dan Perhubungan yang diadakan bermula Januari sehingga November 2019, bertempat di Sekolah Rendah Islam Mithali Aqrab, Jejawi, Perlis. Sasaran program ini kepada 20 orang Pelajar dan Guru Sekolah Rendah Islam Mithali Aqrab, Jejawi, Perlis.

Pengenalan kepada pengaturcaraan komputer dan Robot Assembling menggunakan Lego diadakan untuk:

- i. Merangsang pelajar menyelesaikan masalah melalui kreativiti, pemikiran logik dan berinovasi.

- ii. Meningkatkan kepakaran guru dan pelajar di dalam penggunaan peralatan berteknologi iaitu set robotik.
- iii. Menyemai semanga berpasukan, meningkatkan kebolehan berkomunikasi dan mengasah bakat kepimpinan pelajar.
- iv. Meningkatkan motivasi pelajar di dalam mata pelajaran STEM.



### Perlis Engineering Research Learning & Innovation Symposium (PERLIS 5.0)

Pada 4 Julai 2019 bertempat di Dewan Ilmu, Kampus Pauh UniMAP telah diadakan Perlis Engineering Research Learning & Innovation Symposium (PERLIS 5.0) anjuran UniMAP melalui Institut Kajian Institusi Raja, Kepimpinan dan Komuniti (IKRK) dengan kerjasama Malaysian Research & Innovation Society (MyRIS), Jabatan Pendidikan Negeri Perlis (JPN) dan Yayasan Tuanku Syed Putra Perlis (YTSP). Majlis perasmian penutup PERLIS 5.0 disempurnakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Raja Muda Perlis dan turut berangkat sama Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Raja Puan Muda Perlis.

Penganjuran PERLIS 5.0 dapat memupuk minat pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah di negeri Perlis yang berkebolehan kreatif, inovatif dan untuk menyelesaikan masalah dan bermotivasi tinggi agar seiring dengan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) tercapai. Dengan penyertaan sebanyak 13 buah sekolah rendah dan menengah di negeri Perlis dan 43 buah produk telah dipertandingkan.





## Sesi Terapi A-HEART

Sesi Terapi A-HEART oleh Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra Program telah diadakan bermula Januari - Disember 2019 bertempat di Senze For Minz Therapy Centre, Kangar. Program ini diadakan untuk anak-anak istimewa (Autisme) kakitangan UniMAP dan masyarakat Wilayah Utara. Anak-anak istimewa (Autisme) ini diberi pengetahuan pengurusan diri untuk kehidupan seharian. Objektif sesi terapi adalah untuk:

1. Membantu anak-anak istimewa (autisme) untuk mempelajari ilmu berkaitan Al-Quran.
2. Membantu untuk meningkatkan kapasiti sosialisasi di dalam kehidupan mereka Anak-anak Istimewa (Autisme) dibawah program A-HEART.



## Bengkel eBay Lanjutan Peringkat Negeri Kedah

Pada 27 Februari 2019 bertempat di UTC Alor Setar telah diadakan Bengkel ebay Lanjutan Peringkat Negeri Kedah anjuran Institut Matematik Kejuruteraan (IMK) dengan kerjasama ZAC Consultancy Sdn. Bhd. Program ini merupakan kursus lanjutan teknik jualan menggunakan aplikasi atas talian eBay kepada 30 ahli usahawan negeri Kedah.



## Young Environmentalist Camp (YEC) 2019

153

Pada 27-28 Februari 2019, di Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang. PPK Alam Sekitar, UniMAP dengan kerjasama Jawatankuasa Pendidikan, Latihan dan Penerangan Awam (JKPLPA) Unesco-IHP Malaysia telah menganjurkan Young Environmentalist Camp (YEC) 2019. Sasaran program ini kepada Pelajar sekolah rendah darjah 6 di sekitar Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang. Pelajar-pelajar sekolah diberi pemahaman dan kesedaran tentang kepentingan sumber air yang berkurangan di kalangan generasi muda. Antara objektif program YEC 2019 adalah seperti berikut:

1. Memberi pendedahan kepada generasi muda tentang pentingnya sumber air di Malaysia.
2. Memberi pendedahan secara terus eksperimen sains berkaitan dengan air.



## Siri Ceramah The Beauty of Physics & Mathematics 2019

Siri Ceramah The Beauty of Physics & Mathematics 2019 anjuran Institut Matematik Kejuruteraan (IMK), UniMAP telah diadakan pada 8 Mac 2019 di Sekolah Menengah Kebangsaan Syed Sirajuddin Perlis. Program ini mendedahkan pelajar sekolah mengenai keindahan dan kepentingan fizik dan matematik dalam urusan seharian dengan cara yang mudah. Melalui ceramah ini juga dapat meningkatkan minat pelajar kepada subjek fizik dan matematik serta meningkatkan jumlah pelajar yang akan mengambil aliran STEM. Di samping itu, pelajar dapat mempelajari kegunaan dan kepentingan subjek tersebut dalam urusan seharian.





## Jalinan Kerjasama Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK) - Universiti Awam (SKK-UniMAP 2019)

Pada 20-21 Mac 2019 & April -Disember 2019, UniMAP melalui Institut Kajian Institusi Raja, Kepimpinan dan Komuniti (IKRK) telah menjalankan kerjasama di antara Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK) – Universiti Awam (SKK-UniMAP 2019) di Kampus Alam UniMAP Pauh Putra. Program ini melibatkan 8 buah sekolah SKK iaitu:

1. SK Putra, Kangar, Perlis
2. SK Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), Kangar, Perlis
3. SMK Agama (P) Alawiyah, Kangar, Perlis
4. SK Bukit Tinggi, Kepala Batas, Kedah
5. SMJK Sin Min, Sungai Petani, Kedah
6. SMJK Jit Sin, Bukit Mertajam, Pulau Pinang
7. SMJK Chung Ling, Butterworth, Pulau Pinang
8. SK Syeikh Mohd. Idris Al-Marbawi, Kuala Kangsar, Perak

Tujuan program ini adalah untuk:

- Mewujud dan memantapkan jalinan rangkaian antara SKK-UA bagi melonjakkan kecemerlangan sekolah dalam semua bidang.
- Membincangkan pencapaian, pengiktirafan dan perancangan Sekolah Kluster Kecemerlangan.
- Mengeratkan hubungan kerjasama di antara SKK-UA UniMAP agar Program Pemindahan Ilmu dapat dilaksanakan secara berterusan.
- UniMAP sebagai Pusat Ilmu yang membantu komuniti dalam program Tanggungjawab Sosial Universiti (USR) yang menyokong kerjasama yang saling menguntungkan di antara universiti dan komuniti.



## Kem Pemimpin Muda Prihatin Air (KPMPA) Kebangsaan Zon Tengah

Kem Pemimpin Muda Prihatin Air (KPMPA) Kebangsaan Zon Tengah (Jemputan kepada PPK Alam Sekitar, UniMAP sebagai fasilitator) dengan kerjasama pelbagai Universiti Awam di Malaysia serta Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia (SKUM) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (MoH) telah diadakan pada 2-4 April 2019 bertempat di Wetland, Putrajaya. Tujuan kem ini diadakan untuk memberi pendedahan secara terus eksperimen sains berkaitan dengan air kepada pelajar sekolah menengah tingkatan 4 dari seluruh Malaysia serta pendedahan kepada generasi muda tentang pentingnya sumber air di Malaysia. Di samping memberi maklumat tentang air dan komposisi serta eksperimen sains. Secara tidak langsung dengan penganjuran kem ini, didapati menarik minat pelajar terhadap STEM serta kesedaran tentang kepentingan sumber air yang berkurangan di kalangan generasi muda.



## Program Didik Cemerlang (PDC) 2019



Program Didik Cemerlang (PDC) 2019 diadakan mulai Jun sehingga Oktober 2019, di setiap Sabtu minggu ke-2 dan ke-4 bertempat di Kampus Alam UniMAP Pauh Putra. Program PDC 2019 anjuran Institut Kajian Institusi Raja, Kepimpinan dan Komuniti (IKRK), UniMAP dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Perlis (JPN) dan Majlis Guru Cemerlang (MGC) yang bertujuan membantu



pelajar-pelajar tingkatan 4 sekolah harian biasa yang terdiri daripada keluarga Asnaf untuk menguasai pembelajaran subjek Aliran Sains dan Aliran Sastera Ikhtisas serta memberikan nilai tambah kepada kualiti modal insan. Selain itu, melalui program PDC 2019 dapat mendedahkan teknik-teknik pembelajaran terbaik kepada para pelajar serta melahirkan pelajar yang berfikiran kritikal.

#### Program USR UniMAP-MEDIA 2019. Pemasangan Panel Teknologi Solar dan Gotong Royong Pemasangan Lampu

Pada 17 Ogos 2019 bertempat di Dewan Orang Ramai Kampung Kurung Tengar, Kuala Perlis telah diadakan Program USR UniMAP - MEDIA 2019 dengan pemasangan panel teknologi solar dan gotong-royong pemasangan lampu anjuran bersama PPK Sistem Elektrik dengan kerjasama Unit Media, UniMAP. Hasil daripada pemasangan solar ini, masyarakat Kuala Perlis mendapat pengetahuan mengenai pemasangan sistem solar PV dan manfaat penjimatan elektrik yang disampaikan oleh staf PPK Sistem Elektrik.



#### Program 'Young Scientist 2019'



Program 'Young Scientist 2019' anjuran PPK Bioproses dengan kerjasama Sekolah Kebangsaan Sri Pantai, Kedah telah diadakan pada 22 September 2019 di Sekolah Kebangsaan Sri Pantai, Kedah.

Objektif Program <Young Scientist 2019> adalah untuk mendedahkan pelajar kepada aktiviti STEM diluar bilik darjah. Penyertaan program telah mendapat sambutan sebanyak 100 orang pelajar.

#### Dance, Sing, Be Happy

Unit Kebudayaan dan Rekreasi, UniMAP telah mengadakan program yang memberi peluang kepada kanak-kanak istimewa dari Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Negeri Perlis untuk mempelajari pendidikan muzik seperti kanak-kanak normal yang telah diadakan pada 27 September 2019 di Studio UKR.



#### Program Summer Camp 2019- "Menjana Jurutera Glokal"

Institut Kajian Institusi Raja, Kepimpinan dan Komuniti (IKRK), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Perlis telah berjaya menganjurkan Program Summer Camp 2019 - "Menjana Jurutera Glokal" pada 25 - 28 November 2019, di Kampus Alam UniMAP yang disertai oleh 158 orang pelajar tingkatan 3 dan 4 dari 20 buah sekolah menengah di negeri Perlis merangkumi sekolah di kawasan Padang Besar, Kangar dan Arau. Peserta Summer Camp dibimbing oleh tenaga pengajar dari PPK Mekatronik.





Tujuan program ini adalah untuk memupuk minat pelajar yang berkebolehan kreatif, inovasi dan untuk menyelesaikan masalah serta memberi pendedahan dan minat pelajar untuk menguasai bidang Matematik, Sains, Komputer dan Bahasa. Berkongsi kepakaran staf UniMAP dengan memberi tunjuk ajar, latihan dan motivasi kepada pelajar yang berkualiti dan berdaya saing di samping membangunkan potensi kreatif individu.

Program Summer Camp 2019 ini juga dapat memupuk semangat berpasukan di kalangan para pelajar, meningkatkan kebolehan berkomunikasi dan mengasah bakat kepimpinan. Majlis perasmian penutup diadakan di Dewan Ilmu, Kampus Alam UniMAP dan penyampaian hadiah bagi Pertandingan Pendekar Robot oleh YAB Menteri Besar Perlis dan turut dihadiri barisan Exco negeri Perlis.

#### Educational Gamification Tools Program

Pada 15 - 16 Mei 2019, tiga orang pensyarah dari Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan dan Teknousahawan (PPIPT) telah terlibat dalam program *Educational Gamification Tools* sebagai tenaga pengajar. Mereka terdiri daripada Dr. Siti Norwahida Shukeri, En. Ahmad Zulhusny Rozali dan En. Mohd Sufino Zuhaily Mohd Sufian.

Program ini dianjurkan oleh Kedah Digital Transformation Centre (KDTC) di mana pensyarah PPIPT yang terlibat telah mengadakan bengkel untuk '*Fun and Effective Learning*' dengan menggunakan "*Software Game*" kepada pelajar-pelajar sekolah menengah di negeri Kedah yang terpilih sebagai peserta program. Jumlah pelajar sekolah menengah yang terlibat adalah 80 orang.



Program Tanggungjawab Sosial Universiti (USR) dan STEM Institut Kejuruteraan Nano Elektronik (INEE)



#### Program AnakAngkat & Program Kesukarelawan dan Tanggungjawab Sosial



#### USR Pemasangan Sistem Solar

